

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [JELI]

TARIKH : 10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [JELI] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan masa depan industri getah dan minyak sawit dalam tempoh 5 tahun akan datang dan sama ada Kementerian bercadang mengkaji semula strategi negara untuk kedua-dua sektor ini, termasuklah cadangan untuk mengenal pasti tanaman-tanaman yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sedang menyediakan Kertas Strategi bagi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) yang merangkumi penilaian prestasi RMK-11 secara keseluruhannya dan perancangan serta hala tuju industri komoditi negara termasuk industri sawit dan getah bagi tempoh lima tahun akan datang bermula tahun 2021-2025. Melalui Kertas Strategi ini, Kementerian akan meneliti dan mengkaji semula segala aspek penambahbaikan dalam keseluruhan rantai industri sawit dan getah dari sektor hulu sehingga sektor hiliran. Perancangan strategik yang digariskan ini juga berfokuskan kepada kemakmuran bersama bagi meningkatkan nilai pendapatan eksport industri komoditi seterusnya menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara.

Dalam usaha menyediakan Kertas Strategi ini, Kementerian telah mengadakan beberapa sesi dialog bersama pihak industri pada 6 dan 8 Ogos 2019 yang lalu. Seterusnya, perkara ini telah diperincikan dalam sesi perbincangan Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) Industri Komoditi yang turut melibatkan wakil dari pihak industri, persatuan dan juga agensi kerajaan

SOALAN NO : 17

dalam usaha mengumpulkan idea dan cadangan yang terkini untuk di bawa bagi tempoh lima tahun akan datang.

Antara perkara yang akan diteliti oleh Kementerian adalah berkaitan dengan pembangunan sektor hiliran, penubuhan lebih banyak koperasi bagi mengurangkan eksploitasi, penggalakkan integrasi tanaman dan ternakan, pembangunan revolusi industri 4.0 (IR 4.0) serta kerjasama dan rundingan bersama negara serantau.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian berpandangan bahawa buluh merupakan contoh tanaman selain daripada komoditi sawit dan getah yang berpotensi dibangunkan sebagai sumber baharu untuk diusahakan secara ladang komersial. Hasil tanaman mempunyai pelbagai kegunaan dan berpotensi meningkatkan pendapatan pengusaha. Sebagai contoh, rebung buluh boleh dijadikan bahan makanan yang popular di negara seperti Korea, Jepun dan China. Buluh juga turut digunakan dalam pembuatan arang, perabot dan bahan binaan yang mana kualitinya setanding dengan kualiti produk-produk kayu yang lain.

Pada tahun 2018, nilai pasaran dunia bagi buluh mencecah sehingga USD68.8 bilion yang kini didominasi oleh China, India dan Taiwan. Manakala nilai eksport Malaysia bagi produk berasaskan buluh adalah sebanyak RM 9.9 juta. Namun begitu, industri buluh di Malaysia boleh dimajukan dan dikembangkan lagi di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian menggalakkan integrasi tanaman dan ternakan di ladang-ladang kelapa sawit dan getah di mana pekebun kecil boleh memilih sama ada untuk mengintegrasikan tanaman kontan, sayur-sayuran, buah-buahan atau menjalankan integrasi ternakan seperti lebah, kelulut, lembu atau kambing untuk diusahakan bersama tanaman mereka.

Sekian, terima kasih.